

SIRIM komited untuk memberi perkhidmatan dengan tatalaku etika standard tertinggi dan berintegriti dalam menjalankan perniagaan. Setiap anggota kerja SIRIM dan individu yang mewakili SIRIM bertanggungjawab menjaga reputasi syarikat dan menjalankan perniagaan secara jujur dan profesional.

SIRIM mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan komited untuk bertindak secara adil, profesional dan berintegriti dalam semua urusan dan perhubungan perniagaannya.

Polisi Antirasuah ini (Polisi) menetapkan parameter untuk mencegah berlakunya sebarang amalan rasuah berkaitan dengan perniagaan Kumpulan SIRIM.

Pihak ketiga yang dilantik untuk mewakili kepentingan SIRIM mestilah mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam Polisi ini.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Kod Etika, Polisi Menerima Hadiah dan Polisi Pemberi Maklumat SIRIM.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Atasan SIRIM komited untuk melaksana dan menguatkuasakan polisi dan prosedur di seluruh SIRIM bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah di kalangan anggota kerja dan di dalam aktiviti SIRIM termasuk dalam perhubungannya dengan pihak-pihak berkepentingan; ke arah penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti, selaras dengan Visi dan Misi SIRIM, serta aspirasi negara seperti berikut:

- Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan tugas mereka;
- Badan Tadbir Urus dan Pihak Pengurusan Atasan SIRIM komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi Sistem Pengurusan Antirasuah SIRIM (MS ISO 37001);
- Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan aktiviti yang disyaki berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberi Maklumat SIRIM;
- Tidak memberi, berjanji untuk memberi, menawar, meminta atau menerima apa-apa hadiah yang bertentangan dengan Polisi Menerima Hadiah SIRIM;
- Integriti Kumpulan bertanggungjawab memantau pematuhan Sistem Pengurusan Antirasuah dan melaporkan kepada Badan Tadbir Urus dan Pengurusan Atasan SIRIM; dan
- Setiap anggota kerja mempunyai kewajipan untuk membaca dan memahami Polisi ini. Ketidakpatuhan dan pelanggaran Polisi oleh anggota kerja boleh menyebabkan tindakan disiplin diambil oleh SIRIM mengikut polisi, prosedur, arahan dan garis panduan SIRIM dan/atau memulakan prosiding undang-undang terhadap anggota kerja yang terlibat.

SIRIM berhak mengkaji semula dan menyemak dasar ini bagi memastikan kesesuaian pemakaiannya secara berterusan dan apabila difikirkan perlu.

Atas Arahan,



NIK SAZAL BIN NIK HUSSIN

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
SIRIM Berhad
01 Ogos 2025